

26 MAY 2000

PM TIBA UNTUK LAWATAN KE KEDAH

ALOR SETAR, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas, dekat sini, hari ini bagi melakukan lawatan ke sekitar kawasan Parlimennya, Kubang Pasu.

Ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada pukul 9.30 pagi disambut Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid, para exco kerajaan negeri dan lebih 500 anggota Barisan Nasional.

Sejurus tiba Perdana Menteri berlepas ke Dewan Jitra bagi menghadiri pertemuan dengan para anggota parti komponen Barisan Nasional Kubang Pasu dan Jerlun dan selepas itu bersembahyang Jumaat di Masjid Kampung Ceruk Mok Kan, di Napoh.

Pada sebelah petang beliau akan menghadiri majlis bersama penduduk Pekan Jitra di Pusat Dalam Komuniti (PDK) Taman Jitra.

Selepas itu beliau akan berlepas ke Langkawi untuk menghadiri jamuan malam sempena pertandingan Ironman Malaysia Triathlon 2000.

Sementara itu, Siti Hasmah dijadual merasmikan Klinik Kesihatan Laka Temin, pada sebelah pagi.

-- BERNAMA

MZM RHM